



BEKALAN daging lembu yang diternak di negara ini masih tidak mencukupi berbanding permintaan tinggi.



AI tingkatkan kuantiti daging, tenusu lembu

Teknologi pembiakan *Artificial Insemination* tidak menggunakan haiwan pejantan secara langsung bagi membuntingkan ternakan betina.

LEMBU kacukan *Belgian Blue* berusia tiga setengah tahun seberat 1,200kg milik seorang penternak di Bachok, Kelantan. Lembu ini merupakan hasil daripada teknologi AI.

Kosmo
29/11/2015
mls A11



EKSTRA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Alamat: Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62630 Putrajaya

Telefon: 03- 8870 2000

Telefon: 03- 8870 2157/2064

Teknologi Baharu

MALAYSIA yang kini masih lagi mengimport daging lembu dari negara luar, merupakan suatu cabaran dalam industri pertanian negara.

Ia berpunca daripada bekalan daging lembu yang diternak di negara ini masih tidak mencukupi berbanding permintaan tinggi.

Pertambahan bilangan penduduk pula mengakibatkan permintaan terhadap produk tenusu dan daging lembu meningkat saban tahun terutama pada musim-musim perayaan.

Justeru, golongan penternak lembu tempatan memerlukan suatu kaedah untuk meningkatkan kualiti genetik lembu yang diternak, seterusnya menambah kuantiti daging dan tenusu yang dijual.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menggalakkan penternak lembu untuk memanfaatkan teknologi yang dikenali sebagai pernian beradas atau *Artificial Insemination* (AI) untuk mengurangkan masalah kekurangan bekalan daging dan produk tenusu.

Proses AI merupakan teknik pembiakan yang tidak menggunakan haiwan pejantan secara langsung bagi membuntingkan ternakan betina.

Kaedah ini dilakukan dengan cara memasukkan benih pejantan dalam bentuk semen beku ke

dalam sistem pembiakan lembu betina dengan bantuan peralatan khas yang dipanggil *pistolet*.

Ketua Seksyen Bahagian Teknologi Pemakanan dan Pembiakan DVS, Dr. Alifah Ismail berkata, proses tersebut menghasilkan lembu yang mempunyai kualiti genetik lebih baik berbanding lembu yang dilahirkan secara semula jadi.

Ini kerana proses tersebut melibatkan kacukan baka tempatan yang dimiliki penternak dengan baka-baka yang diimport.

"Sebagai contoh, berat lembu baka Kedah-Kelantan lebih kurang 300 hingga 400 kilogram (kg) berbanding baka Brahman yang boleh mencecah 900kg.

Suntikan

Dengan suntikan AI, anak baka kacukan akan menghasilkan lembu yang lebih berat daripada ibu baka tempatan," katanya kepada *Agropreneur* di Putrajaya baru-baru ini.

Tambah Alifah, baka kacukan juga membesar dengan lebih cepat, sekali gus meningkatkan produktiviti penternak.

Katanya, selain daripada kuantiti daging, proses AI boleh digunakan untuk meningkatkan kuantiti susu lembu.

"Antara kebaikan AI yang lain adalah ia memudahkan pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit yang merebak melalui

pembiakan seperti *tabie* dan *brucellosis*," ujarnya.

Alifah berkata, pada tahun lepas sebanyak 20,000 ekor lembu betina di seluruh negara telah dibuntingkan melalui AI dengan 50 peratus daripada jumlah tersebut berjaya mencapai matlamat.

Menurutnya, suntikan AI hanya melibatkan kos antara RM20 hingga RM30 sahaja untuk satu straw berbanding pembelian lembu pejantan yang boleh mencecah ribuan ringgit.

"Selain kos yang mahal, lembu pejantan yang diimport tidak sesuai dengan keadaan cuaca tempatan berbanding baka yang dikacukkan dengan lembu tempatan melalui AI," tambahnya.

Bagaimanapun, Alifah menyatakan, pengurusan yang lebih sistematik diperlukan untuk lembu-lembu kacukan berbanding lembu tempatan.

"Lembu yang dikacukkan dengan baka iklim sejuk harus dikawal dan tidak boleh dilepaskan bebas.

"Selain itu, pemakanan juga harus diberikan penelitian oleh penternak dari segi jumlah dan jenis makanan lembu tersebut," jelasnya.

Alifah memberitahu, penternak yang ingin membuat proses AI boleh membuat permohonan di DVS negeri yang disediakan secara percuma sebelum mengambil benih beku yang disimpan di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK).

Antara baka yang boleh dipilih oleh penternak ialah *Belgian Blue*, *Brahman*, *Local Indian Diary*, *Limo-*

sin, *Charolais*, *Bali* dan *Mafriwal*.

"DVS akan melihat tujuan penternak dan kemudian kita memberi nasihat mengenai baka yang sesuai untuk dikacukkan sebelum menjalankan suntikan AI," katanya.

Menurut Alifah, seramai 22 orang penyelaras pembiakan ditempatkan di seluruh negara untuk membantu penternak mendapatkan suntikan AI.

Dalam usaha memperluaskan pembiakan melalui AI, DVS menyediakan latihan kepada mana-mana individu yang berminat untuk melakukan sendiri proses tersebut menggunakan alat dan benih yang dipinjamkan daripada jabatan itu.

"DVS akan menilai kelayakan individu berkenaan sebelum mengadakan kursus jangka pendek selama tiga hari dan kursus-kursus sampingan selepas lulus latihan," ujarnya.



PROSES memasukkan benih pejantan dalam bentuk semen beku dilakukan di dalam makmal.